



LAPORAN TAHUNAN 2016



KANDUNGAN

- » Sidang Redaksi Laporan Tahunan IADA Barat Laut Selangor
- » Prakata Pengarah
- » Carta Organisasi
- » Warga Kerja IADA Barat Laut Selangor
- » Objektif, Misi, Visi Dan Senarai Fungsi
- » Pengenalan Iada Barat Laut Selangor
- » Ringkasan Eksekutif Penyiasatan Pengeluaran Padi (PPP)
- » Prestasi Kewangan IADA Barat Laut Selangor 2015
 - Prestasi Keseluruhan Peruntukan Mengurus Dan Pembangunan
 - Prestasi Peruntukan Mengurus
 - Prestasi Peruntukan Pembangunan
- » Laporan Bahagian
 - Bahagian Khidmat Pengurusan
 - Bahagian Perancangan Dan Pemantauan
 - Bahagian Pertanian
 - Bahagian Kejuruteraan Pertanian
 - Bahagian LPP
- » Perjawatan



SIDANG REDAKSI IADA BARAT LAUT SELANGOR

Penasihat
Ketua Editor
Editor
Sidang Pengarang

: Eliyas Bin Saad
: Lailatullaila Binti Shaari
: Norsazwani Binti Rusdi
: Suriati Binti Mohd Shaukhi
: Hasaman Bin Simbon
: Siti Noorzeha Binti Azmi
: Suhaili Binti Sahari
: Nurrun Nadrah Binti Ahmad Radzi
: Borhan Binti Abdullah

Jurufoto

Prakata PENGARAH

**Bismillahirrahmanirrahim,
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan
salam sejahtera,**

Alhamdulillah, terlebih dahulu setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan keizinanNya IADA Barat Laut Selangor berjaya menerbitkan Buku Laporan Tahunan Edisi Ke-4 bagi tahun 2016. Sekalung penghargaan dan tahniah saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menyempurnakan penerbitan Buku Laporan Tahunan ini khususnya Jawatankuasa Sidang Ridaksi yang begitu komited dalam menyumbangkan maklumat serta idea yang memberangsangkan.

Buku Laporan Tahunan merupakan dokumentasi bertulis dan bergambar yang merakamkan aktiviti, program dan projek yang dilaksanakan dan dicapai dalam satu-satu tahun. Kandungannya boleh dimanfaatkan oleh semua pembaca khasnya kakitangan dan pelanggan-pelanggan sebagai rujukan dan informasi berkaitan isu-isu dan aktiviti IADA Barat Laut Selangor. Ini bertepatan dengan misi kita iaitu mentransformasikan sektor agromakanan supaya menjadi sektor yang moden, dinamik dan kompetatif. Dalam usaha mencapai matlamat ini, perancangan dan pelaksanaan pelbagai program pembangunan telah dilakukan sama ada dalam sektor padi dan industri asas tani.

Prestasi kewangan

Peruntukan yang diperolehi pada tahun 2016 adalah sebanyak RM 12,101,795.00 dan daripada peruntukan ini, sebanyak RM 7,248,800.00



(60%) adalah peruntukan di bawah Peruntukan Mengurus manakala RM 4,852,995.00 (40%) di bawah Peruntukan Pembangunan. Sehingga berakhirnya 2016, IADA Barat Laut Selangor telah membelanjakan RM 6,730,752.75 (92.85%) bagi peruntukan mengurus dan RM 4,852,883.68 (100%) bagi peruntukan pembangunan.

Pencapaian IADA Barat Laut Selangor

Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor melibatkan dua daerah iaitu Kuala Selangor dan Sabak Bernam. Pengurusan projek ini dibahagikan mengikut blok melibatkan lapan blok iaitu Sawah Sempadan, Sungai Burong, Sekinchan, Sungai Leman, Pasir Panjang, Sungai Nipah, Panchang Bedena dan Bagan Terap dengan jumlah keluasan parcel padi 19,057 hektar sehingga berakhir 2016.

Keluasan bertanam pada 2016 adalah 19,057 hektar (Musim Utama) dan 19,057 hektar (Luar Musim) membawa jumlah 38,114 hektar dengan jumlah pengeluaran sebanyak 222,033 tan metrik padi bersih. Purata hasil padi bagi 2016 iaitu 5.825 mt/ha menurun sebanyak 7.64% berbanding 6.307 mt/ha pada 2015. Purata hasil padi tertinggi yang direkodkan sejak tahun 2004 adalah pada Luar Musim 2014 iaitu 6.560 mt/ha.

Disamping itu juga, projek pembangunan seperti Projek Pengurusan Integrasi Tanaman Padi Berasaskan Konsep Kejuruteraan Ekologi di Pancang Bedena, Sabak Bernam dan Projek peningkatan Intensiti Tanaman Padi Kepada 5 Kali 2 Tahun di Sawah Sempadan, Tanjung Karang telah dilaksanakan bagi tahun 2015. Kedua-dua projek ini merupakan kajian yang dilaksanakan di Sungai Haji Dorani dan Sawah Sempadan dengan kerjasama dari MARDI. Ia bertujuan bagi memaksimumkan pengeluaran padi disamping mengamalkan kaedah Kejuruteraan Ekologi dalam melaksanakan penanaman padi di kawasan Jelapang Selangor.


Selain daripada pembangunan dalam sektor padi, IADA Barat Laut Selangor juga terlibat dalam aktiviti pembangunan usahawan industri asas tani. Bagi tahun 2016, seramai 37 usahawan berjaya dibantu melibatkan pengubahsuaian pusat pemasaran, pembekalan peralatan pemprosesan, publisiti dan promosi serta Modal Insan dengan peruntukan berjumlah RM 545,000.00.

Akhir kata saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di atas segala bimbingan dan nasihat serta tenaga dalam merancang dan melaksanakan pelbagai program pembangunan sama ada dalam sektor padi mahupun industri asas tani.



ELIYAS BIN SAAD
Pengarah IADA Barat Laut Selangor

CARTA ORGANISASI (UMUM)





Duduk dari kiri: Asparina, Hasaman, Zakaris, Suriati, Syamsul Zuraida @ Fadhilah, Eliyas, Laynil Haki, Lailatulaila, Thilaga, Syaliza Hanom, Rostidah. Berdiri Barisan Pertama Hadapan dari Kiri : Rosmawati, Noridah, Siti Noorzeza, Norziena, Norizan, Marina, Siti Jamilah, Mazlinah, Habibah, Suhaili, Nurrun Nadrah, Norzizah, Norsazwani, Faridah, Nor Anita, Norzalela, Suzana, Nor Asiah, Ummi Khalthum, Syazaliana. Berdiri Barisan Kedua dari Kiri : Borhan, Nurul Azmy, Ismail, Mohd Shazrul Syafiq, Azlan, Hasan Azhari, Mohd Zailan, Khairi Akmal, Othman, Khairi, Nadarajah, Jamaluddin, Samsol, Murshidi, Mohamad Hakim, Norzaimi. Berdiri Barisan Belakang dari Kiri : Nazreen Shah, Safari, Jamaludin, Ahmad Saiful Nizam, Abd Rahman, Mansor, Mohammad Hamzan, Mohd Naim, Mohd Rizal Firdaus, Ahmad Azwan, Mohd Ezmi, Muhammad Halim Al-Hafiz, Y.M. Raja Zainol, Mohd Mahali, Nazrul Azlan, Mohd Hafidz, Mohamad Said, Ramizu, Amran, Kamarudin.







OBJEKTIF, MISI DAN VISI

OBJEKTIF

Menerajui proses transformasi sektor agro makanan secara terancang, bersepadu dan menyeluruh kearah pencapaian matlamat dasar agro makanan.

Mengoptimumkan penggunaan sumber- sumber pengeluaran bagi meningkatkan pengeluaran makanan negara.

Memastikan sistem dan infrastruktur pertanian berfungsi dengan sempurna arah pengurusan air yang efisien.

Meningkatkan pendapatan golongan sasar.

MISI

Mentransformasikan sektor agromakanan supaya menjadi sektor yang moden, dinamik dan kompetatif.

VISI

Menjadikan IADA Barat Laut Selangor sebagai penyumbang pengeluaran agro makanan Negara.

FUNGSI IADA BARAT LAUT SELANGOR

1. Merancang, menyelaraskan, melaksanakan, dan memantau program pembangunan pertanian dalam IADA Barat Laut Selangor.
2. Menyediakan kerangka transformasi dalam meningkatkan kuantiti dan kualiti makanan negara.
3. Meningkatkan pengeluaran makanan bagi memenuhi tahap sara diri (SSL) negara dan mengurangkan kebergantungan terhadap import.
4. Menyedia, menyelenggara dan menaik taraf infrastruktur pertanian.
5. Memberi khidmat sokongan yang cekap dan berkesan.
6. Meningkatkan pendapatan golongan sasar kearah negara berpendapatan tinggi.

FUNGSI BAHAGIAN PERTANIAN

1. Mewujudkan kumpulan tenaga yang terlatih dan mahir untuk keperluan industri pertanian.
2. Meningkatkan produktiviti pengeluaran tanaman padi di kawasan Barat Laut Selangor bagi mencapai hasil purata 10 tan/Ha semusim.
3. Mewujudkan golongan petani yang progresif, berdikari dan mahir dalam pengeluaran padi bagi memberikan produktiviti yang tinggi.

FUNGSI BAHAGIAN PENGAIIRAN DAN SALIRAN

Memastikan sistem dan infrastruktur pertanian berfungsi dengan sempurna ke arah pengurusan air yang efisien

FUNGSI BAHAGIAN PERTANIAN

1. Pertubuhan Peladang sebagai institusi berdaya maju dalam bidang perkhidmatan sokongan pertanian
2. Pewujudan peladang komersial yang berdaya saing dan memberi sumbangan kepada sektor pertanian selaras dengan matlamat transformasi pertanian melalui pergerakan .
3. Pembangunan dan pengukuhan rangkaian aktiviti-aktiviti Pertubuhan Peladang

PENGENALAN

IADA (*Integrated Agriculture Development Area*) atau sebelum ini dikenali sebagai IADP (*Integrated Agriculture Development Project*) ditubuhkan berdasarkan konsep pembangunan pertanian secara bersepadu. IADA Barat Laut Selangor telah dibuka dengan rasminya oleh bekas Menteri Besar Negeri Selangor YAB. Datuk Hormat bin Rafei pada 6 Jun 1978.


IADA Barat Laut Selangor bertanggungjawab dalam pembangunan kawasan pertanian, tanaman dan penduduknya yang sedia ada. Struktur Organisasi dan pengurusan yang diamalkan oleh IADA adalah secara korporat dengan penyelarasan tiga agensi iaitu Jabatan Pertanian, Jabatan Pengairan dan Saliran dan Lembaga Pertubuhan Peladang. IADA Barat Laut Selangor berhasrat membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat golongan sasaran kearah Negara berpendapatan tinggi.

Tumpuan pembangunan IADA Barat Laut Selangor melibatkan semua aktiviti pembangunan infrastruktur pertanian di kawasan penanaman padi seluas 19,057 ha yang merangkumi Daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam. Di samping itu, usahawan-usahawan Industri Asas Tani di bawah bimbingan Lembaga Pertubuhan Peladang IADA Barat Laut Selangor juga dibantu dari segi modal insan serta keperluan peralatan dan kemudahan pemprosesan makanan.



KELUASAN DAN JUMLAH PETANI KAWASAN IADA BARAT LAUT SELANGOR MENGIKUT BLOK


BIL	BLOK	LUAS (HA)	BIL PETANI
1	Sawah Sempadan	2,328	1,139
2	Sungai Burong	3,349	1,651
3	Sekinchan	1,746	784
4	Sg Leman	1,983	1,289
5	Pasir Panjang	1,588	643
6	Sungai Nipah	1,934	987
7	Pancang Bedena	3,430	1,714
8	Sungai Panjang	2,437	1,268
9	Sawah Sempadan	262	218
JUMLAH		19,057	9,693



Keluasan Kawasan IADA Barat Laut Selangor Mengikut Blok




Bilangan Petani Di IADA Barat Laut Selangor Mengikut Blok



IMEJ SATELIT
KAWASAN IADA BARAT LAUT SELANGOR

IMEJ SATELIT IADA BARAT LAUT SELANGOR
SATELLITE IMAGE OF IADA BARAT LAUT SELANGOR



PROJEK SISTEM RAKULANAT GEOGRAFIAL PASIR
IADA BARAT LAUT SELANGOR



RINGKASAN EKSEKUTIF
PENYIASATAN
PENGELUARAN PADI (PPP)

RINGKASAN EKSEKUTIF PENYIASATAN PENGELUARAN PADI (PPP) TAHUN 2016 IADA BARAT LAUT SELANGOR

Penyiasatan Pengeluaran Padi dijalankan setiap musim dengan diurusetikan oleh Unit Perangkaan, Seksyen Teknologi dan Pengurusan Maklumat, Bahagian Perancangan, Teknologi Maklumat & Komunikasi, Jabatan Pertanian. Bagi Kawasan IADA Barat Laut Selangor, sebanyak 110 sampel lot telah dipilih untuk mendapatkan purata hasil bagi mewakili 19,057 hektar parcel padi. Pengumpulan dan pemprosesan sampel pada tahun 2016 telah dapat dilaksanakan dengan sempurna 100% seperti musim-musim sebelumnya .

Bagi tahun 2016 sebanyak 19,057 hektar telah ditanam dengan padi iaitu 100% daripada keluasan parcel pada Musim Utama 2016 dan Luar Musim 2016. Prestasi pengeluaran hasil purata padi di Kawasan IADA Barat Laut Selangor Musim Utama Tahun 2016 didapati telah menurun 0.34% iaitu 6,096 Kg sehektar berbanding 6,117 Kg sehektar musim sama tahun 2015 manakala bagi Luar Musim juga telah menurun sebanyak 14.43% iaitu 5,555 Kg sehektar berbanding 6,492 Kg sehektar pada musim yang sama tahun 2015. Jumlah pengeluaran tahun 2016 telah menurun sebanyak 6.99% dengan pengeluaran sebanyak 222,033 metrik tan berbanding 238,719 metrik tan pada tahun 2015.

Jadual 1 di bawah menunjukkan keluasan tanaman mengikut kawasan dan bilangan sampel lot Penyiasatan Pengeluaran Padi manakala **Jadual 2** menunjukkan data siri masa keluasan tanaman padi, hasil purata dan jumlah pengeluaran di IADA Barat laut Selangor.

Secara keseluruhannya, sumbangan IADA Barat Laut Selangor terhadap pengeluaran padi bagi keseluruhan jelapang adalah 9.37% manakala bagi keseluruhan sawah padi negara adalah sebanyak 8.33% bagi tahun 2016.



PENYIASATAN PENGELUARAN TANAMAN PADI KELUASAN BERTANAM DAN BILANGAN SAMPEL TAHUN 2016

Jadual 1


BIL	DAERAH/UKT	KELUASAN BERTANAM (Ha.)		BILANGAN SAMPLE
		Musim Utama	Luar Musim	
a.	Kuala Selangor	5,677	5,677	
	Sawah Sempadan	2,328	2,328	12
1	Sawah Sempadan 1	841	841	4
2	Sawah Sempadan 2	768	768	4
3	Sawah Sempadan 3	719	719	4
	Sungai Burong	3,349	3,349	19
4	Sungai Burong 1	997	997	4
5	Sungai Burong 2	740	740	4
6	Sungai Burong 3	762	762	4
7	Sungai Burong 4	850	850	7
b.	Sabak Bernam	13,380	13,380	
	Sekinchan	1,746	1,746	12
8	Sekinchan 1	898	898	6
9	Sekinchan 2	848	848	6
	Sungai Leman	1,983	1,983	12
10	Sungai Leman 1	965	965	6
11	Sungai Leman 2	1,018	1,018	6
	Pasir Panjang	1,588	1,588	11
12	Pasir Panjang 1	764	764	5
13	Pasir Panjang 2	824	824	6
	Sungai Nipah	1,934	1,934	10
14	Sungai Nipah 1	1,072	1,072	5
15	Sungai Nipah 2	862	862	5
	Panchang Bedena	3,430	3,430	16
16	Panchang Bedena 1	1,099	1,099	4
17	Panchang Bedena 2	832	832	4
18	Panchang Bedena 3	675	675	4
19	Panchang Bedena 4	824	824	4
	Bagan Terap	2,437	2,437	15
20	Bagan Terap 1	651	651	5
21	Bagan Terap 2	828	828	5
22	Bagan Terap 3	958	958	5
	Sungai Panjang	262	262	3
23	Sungai Panjang	262	262	3
	Jumlah	19,057	19,057	110

**DATA SIRI MASA:
KELUASAN BERTANAM, PURATA HASIL PADI BERSIH DAN
PENGELUARAN PADI UNTUK KAWASAN JELAPANG PADI,
IADA BARAT LAUT SELANGOR, 2004-2016**


Jadual 2

TAHUN	SEMUA MUSIM			MUSIM UTAMA			LUAR MUSIM		
	KELUASAN BERTANAM (Hektar)	PURATA HASIL PADI BERSIH (Kg/Ha.)	PENGELUARAN PADI (Metrik Tan)	KELUASAN BERTANAM (Hektar)	PURATA HASIL PADI BERSIH (Kg/Ha.)	PENGELUARAN PADI (Metrik Tan)	KELUASAN BERTANAM (HEKTAR)	KELUASAN BERTANAM (HEKTAR)	PENGELUARAN PADI (Metrik Tan)
2004	37,233	4,829	179,808	18,604	5,174	96,257	18,629	4,485	83,551
2005	36,518	4,814	175,784	18,292	5,242	95,884	18,226	4,384	79,900
2006	36,754	4,717	173,376	18,399	4,877	89,732	18,355	4,557	83,644
2007	36,516	5,042	184,115	18,340	4,942	90,636	18,176	5,143	93,479
2008	36,602	4,761	174,247	18,301	4,542	83,127	18,301	4,979	91,121
2009	37,258	5,439	202,633	18,729	5,465	102,354	18,529	5,412	100,279
2010	37,472	5,612	210,292	18,729	5,708	106,905	18,743	5,516	103,386
2011	37,460	5,908	221,295	18,729	5,763	107,935	18,731	6,052	113,360
2012	37,835	5,989	226,580	18,901	5,825	110,098	18,934	6,152	116,482
2013	37,833	6,280	237,594	18,889	6,198	117,136	18,934	6,362	120,458
2014	37,842	6,403	242,320	18,925	6,247	118,224	18,917	6,560	124,096
2015	37,850	6,307	238,719	18,925	6,117	115,764	18,925	6,497	122,955
2016	38,114	5,825	222,032	19,057	6,096	116,171	19,057	5,555	105,862

GRAF DATA PENGELUARAN HASIL PADI MENGIKUT MUSIM 2004-2016, IADA BARAT LAUT SELANGOR



PURATA HASIL PADI SAWAH MENGIKUT KAWASAN JELAPANG PADI, SEMENANJUNG MALAYSIA, LUAR MUSIM 2016







PRESTASI KEWANGAN
IADA BARAT LAUT SELANGOR
2016


Peruntukan yang diperolehi oleh IADA Barat Laut Selangor di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi tahun 2016 adalah RM 12,101,795.00 melibatkan Peruntukan Mengurus dan Pembangunan.

Agihan daripada jumlah ini adalah 60% (RM 7,248,800.00) merupakan Peruntukan Mengurus manakala baki 40% (RM 4,852,995.00) adalah Peruntukan Pembangunan.

Butiran Peruntukan Mengurus yang terlibat bagi tahun 2016 adalah Emolumen (Kod 10000), Perkhidmatan/Bekalan Perkhidmatan (Kod 20000), Pemberian/Kenaan Bayaran Tetap (Kod 40000), Bayaran lain (Kod 50000), Bayaran/Pembaikan Mengurus (Kod 32000), Pemberian Dalam Negeri (Kod 42000) dan NKEA Mengurus (20000).

Peruntukan Pembangunan pula melibatkan sembilan projek pembangunan iaitu Pembangunan dan Pengeluaran Padi Lestari, Pembagunan, Penilaian dan Penyesuaian Teknologi Tanaman Padi, Projek Tebing Dari Pintu Air Keluar(Outlet) Parit 10 Ke Pintu Iar Pasang Surut (TCG) Pasir Panjang, Membina dan Menaiktaraf Infrastruktur Pengairan dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Kawasan Pengairan Sungai Panjang (Fasa 2), Membina dan Menaiktaraf Taliair Sekunder dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Kawasan Pengairan Sawah Sempadan, Kajian Semula Keberkesanan Taliair Tersier Di Seluruh Pengairan IADA Barat Laut Selangor, Pembangunan Sitem Telemetry Online Bagi Pemantauan Pengurusan Air Di Kawasan Jelapang Padi, Pembangunan Industri Asas Tani, dan Automasi.

	Mengurus	Pembangunan	Jumlah
Peruntukan	7,248,800.00	4,852,995.00	12,101,795.00
Perbelanjaan	6,730,752.75	4,852,883.00	11,583,636.43
Prestasi Perbelanjaan	92.85%	100%	95.72%



PERBANDINGAN PRESTASI PERBELANJAAN PERUNTUKAN MENGRUS IADA BARAT LAUT SELANGOR MENGIKUT TAHUN

GRAF PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGRUS TAHUN 2016


MENGRUS KESELURUHAN

TAHUN	2016	2015	2014	2013
BULAN	%	%	%	%
JANUARI	5.73	6.74	5.25	2.23
FEBRUARI	9.04	12.31	11.07	4.24
MAC	18.24	20.06	18.78	8.13
APRIL	24.74	28.00	25.62	14.30
MEI	32.39	38.62	31.62	22.07
JUN	42.62	47.23	38.79	28.18
JULAI	49.90	54.38	46.94	36.15
OGOS	57.71	63.25	54.35	43.12
SEPTEMBER	64.69	70.62	66.57	62.04
OKTOBER	72.34	78.50	74.77	71.92
NOVEMBER	85.34	85.64	84.82	79.64
DISEMBER	92.85	95.94	99.05	88.94
JANUARI(AKB)				100.98

GRAF PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGRUS TAHUN 2016




PERBANDINGAN PRESTASI PERBELANJAAN PERUNTUKAN MENGRUS IADA BARAT LAUT SELANGOR MENGIKUT TAHUN



PERBANDINGAN PRESTASI PERBELANJAAN KESELURUHAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN IADA BARAT LAUT SELANGOR MENGIKUT TAHUN

BIL.	BUTIRAN	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM)	PERUNTUKAN DITERIMA (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUS BELANJA (%)
Projek Pembangunan IADA Barat Laut Selangor 2016					
1	Pembangunan Dan Pengeluaran Padi Lestari	2,000,000.00	2,000,000.00	1,999,994.38	100.00
2	Pembangunan, Penilaian dan Penyesuaian Teknologi Tanaman Padi	500,000.00	500,000.00	499,993.40	100.00
3	Tebing Dari Pintu Air Keluar (Outlet) Parit 10 Ke Pintu Air Pasang Surut (TCG) Pasir Panjang	107,995.00	107,995.00	107,994.90	100.00
Projek Pembangunan Bahagian Pengairan dan Saliran Pertanian IADA Barat Laut Selangor 2016					
4	Membina Dan Menaiktaraf Infrastruktur Pengairan Dan Kerja-Kerja Yang Berkaitan Di Kawasan Pengairan Sungai Panjang (Fasa 2)	500,000.00	300,000.00	300,000.00	100.00
5	Membina Dan Menaiktaraf Taliair Sekundar Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Kawasan Pengairan Sawah Sempadan	1,000,000.00	1,000,000.00	999,945.45	99.99
6	Kajian Semula Keberkesanan Taliair Tersier Di Seluruh Kawasan Pengairan	300,000.00	-	-	0.00
7	Pembangunan Sistem Telemetry Online Bagi Pemantauan Pengurusan Air Di Kawasan Jelapang Padi	200,000.00	200,000.00	199,999.00	100.00
Projek Pembangunan Industri Asas Tani IADA Barat Laut Selangor 2016					
8	Pembangunan Industri Asas Tani	545,000.00	545,000.00	544,966.55	99.99
Pembangunan Industri Dan Eekonomi (PIEB)					
9	Automasi	200,000.00	200,000.00	199,990.00	100.00


PERBANDINGAN PRESTASI PERBELANJAAN KESELURUHAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN IADA BARAT LAUT SELANGOR TAHUN 2013-2016



BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

- 
- » CARTA ORGANISASI BAHAGIAN
 - » GAMBAR BAHAGIAN
 - » PERJAWATAN BAHAGIAN
 - » KURSUS DAN LATIHAN
 - » AKTIVITI SEMASA

CARTA ORGANISASI BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN





KURSUS DAN LATIHAN

Bil.	Program	Pelaksanaan	Kumpulan Sasaran	Lokasi
1.	Program Gotong-royong	01.03.2016	P&P Dan Sokongan	Dataran IADA BLS
2.	Program Wacana Minda - Anatara Pemberian Dan Rasuah	11.04.2016	P&P Dan Sokongan	Bilik Gerakan
3.	Ceramah Keselamatan Dan Kesihatan Sektor Awam	05.09.2016	P&P Dan Sokongan	Bilik Gerakan
4.	Taklimat Submodul Pengurusan Tuntutan/ Bayaran Kerja Lebih Masa Melalui Hirmis	04.10.2016	P&P Dan Sokongan	Bilik Gerakan
5.	Program Gotong-royong Bubur Asyura	28.10.2016	P&P Dan Sokongan	Dataran IADA BLS
6.	Ceramah Agama - Sedekah Dan Wakaf	11.11.2016	P&P Dan Sokongan	Bilik Gerakan
7.	Ceramah Kesedaran Kebakaran	05.12.2016	P&P Dan Sokongan	Bilik Gerakan Per
8.	Perhimpunan Bulanan	Minggu Ke - 1	Semua Kakitangan	Lobi IADA BLS
9.	Program Penerapan Nilai Islam	Minggu Ke - 2	Semua Kakitangan	Surau

1

ENTRANCE NAZIRAN SISTEM PERANCANGAN DAN KAWALAN BELANJAWAN (eSPKB) KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



Entrance Naziran Sistem Perancangan dan Kawalan Belanjawan (eSPKB) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah berlangsung pada 22 Februari 2016 jam 10.00 pagi bertempat di Bilik Gerakan IADA Barat Laut Selangor. Sesi naziran ini akan dijalankan selama 3 hari iaitu sehingga 24 Februari 2016. Tujuan naziran ini dilaksanakan adalah selaras dengan Arahan Perbendaharaan 138 dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil.9 Tahun 2014 untuk memastikan pematuhan Panduan Pengguna PTJ eSPKB dan peraturan-peraturan semasa yang berkuatkuasa.

2

PERBINCANGAN AHLI AKRAB IADA BARAT LAUT SELANGOR DENGAN UNIT PENGURUSAN PSIKOLOGI BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA, KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



AKRAB IADA Barat Laut Selangor adalah salah satu Agensi di Kementerian Pertanian yang mempunyai ahli iaitu seramai empat orang. Baru baru ini iaitu pada 6 April 2016 Pegawai Psikologi dari Unit Pengurusan Psikologi Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Pertanian telah mengadakan perbincangan dengan ahli AKRAB IADA Barat Laut Selangor. Pegawai yang hadir ialah Pn Roszita binti Ali dan Pn Norazita binti Ramli. Tujuan perbincangan ialah untuk membincangkan program dan aktiviti yang di adakan di IADA Barat Laut Selangor.

3

CERAMAH AGAMA : KEISTEMEWAN BULAN SYAABAN



Pada 13 Mei 2016 bersamaan 6 Syaaban 1437 H, satu seramah agama yang bertajuk “ Keistimewaan Bulan Syaaban” telah diadakan di Bilik Gerakan, IADA Barat Laut Selangor, Kuala Selangor selepas bacaan Yassin diadakan di Surau IADA Barat Laut Selangor. Ceramah ini telah disampaikan oleh Ustaz Mohd Rizan bin Haron, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Pejabat Agama Islam Daerah Kuala Selangor. Ceramah ini telah dihadiri oleh semua kakitangan dan pegawai IADA Barat Laut Selangor yang beragama Islam.

4

GOTONG ROYONG PERDANA IADA BARAT LAUT SELANGOR



Aktiviti gotong-royong bukan sahaja menyemai semangat kerjasama tetapi juga mengeratkan hubungan silaturrahim di kalangan kakitangan di sesebuah organisasi. Menyedari kepentingannya, Pada 30 September 2016 Bahagian Pengurusan IADA Barat Laut Selangor mengambil inisiatif untuk menghidupkan budaya itu semula. Aktiviti bukan sahaja tertumpu untuk membersihkan kawasan semak-samun selain memastikan saluran perparitan persekitaran bangunan berjalan lancar.

5

HARI SUKAN NEGARA 2016 PERINGKAT IADA BARAT LAUT SELANGOR



Pada 7/10/2016 ,Bertempat di ruang legar , Kompleks Bangunan IADA Barat Laut Selangor telah berlangsungnya acara senam aerobik sempena sambutan Hari Sukan Negara 2016,selaras dengan menyahut saranan daripada Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani agar semua agensi dibawahnya menganjurkan satu aktiviti sukan yang disertai oleh kakitangannya.Seramai 40 orang kakitangan IADA Barat Laut Selangor telah menyertai program ini.

6

PROGRAM GOTONG ROYONG BUBUR ASYURA




IADA Barat Laut Selangor telah mengadakan aktiviti membuat bubur Asyura di Kompleks IADA pada 28 Oktober 2016.Aktiviti ini diadakan sempena menyambut Hari Asyura yang jatuh pada 10 Muharram 1438H.Seramai lebih kurang 50 orang kakitangan IADA Barat Laut Selangor telah menyumbang tenaga dan bergotong royong dalam aktiviti ini. Hari Asyura yang disambut adalah berdasarkan peristiwa Nabi Nuh as.

BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PEMANTAUAN



- » CARTA ORGANISASI BAHAGIAN
- » GAMBAR BAHAGIAN
- » PERJAWATAN BAHAGIAN
- » AKTIVITI SEMASA
- » KAJIAN
- » PELAWAT

CARTA BAHAGIAN PERANCANGAN & PEMANTAUAN





1

MESYUARAT PENYELARASAN PERSEDIAAN MENGHADAPI FENOMENA EL-NINO



Fenomena El-Nino dijangka melanda negara sekitar Januari-April 2016. Suhu dijangka meningkat di antara 0.5 C-2.0 C Cuaca dijangka kering terutama terutama di utara, pantai timur Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Bagi menghadapi fenomena ini, IADA Barat Laut Selangor telah mengadakan Mesyuarat Penyelarasan Persediaan Menghadapi Fenomena El-Nino pada 5 Februari 2016.

2

SESI TEMUDUGA PESAWAH BERJAYA IADA BARAT LAUT SELANGOR



Pada 17 Mac 2016, seramai tiga orang pegawai Jabatan Pertanian dari Bahagian Perancangan, Teknologi Maklumat dan Komunikasi telah datang ke IADA Barat Laut Selangor. Tujuan lawatan ini ialah untuk menemuduga dan mendapatkan maklumat aktiviti persawahan petani. Mereka telah di bawa ke kawasan Sekinchan dan Sungai Nipah. Seramai lima (5) orang petani telah terlibat dalam sesi ini dan telah memberikan kerjasama yang baik dalam sesi yang dijalankan.

3

SESI TEMURAMAH EKSLUSIF RTM SELANGOR BERSAMA PENGARAH IADA BARAT LAUT SELANGOR MENGENAI FENOMENA EL NINO DAN KESAN KEPADA SAWAH PADI



Pada 25 Mac 2016, satu temuramah oleh pihak RTM bersama Encik Eliyas bin Saad, Pengarah IADA Barat Laut Selangor telah berlangsung di IADA Barat Laut Selangor. Antara soalan yang diajukan adalah berkenaan fenomena El Nino yang melanda Malaysia dan kesannya terhadap penanaman padi di sekitar kawasan IADA Barat Laut Selangor. Rakaman tersebut telah disiarkan di dalam Berita Nasional jam 5 petang di TV1 pada 29 Mac 2016.

4

PROGRAM SEMINAR DAN DIALOG ISU-ISU INDUSTRI PADI IADA BARAT LAUT SELANGOR



Program Seminar dan Dialog Isu-isu Industri Padi telah diadakan pada 29 Mac 2016 bertempat di Dewan Dato' Hormat, Tanjong Karang. Majlis ini telah disempurnakan oleh YB. Datuk Seri Hj Noh bin Hj Omar, Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Selangor merangkap Ahli Parlimen Tanjong Karang.

5

MEMBARA TANJUNG KARANG - DIALOG ISU SEMASA PESAWAH BERSAMA YB DATUK SERI NOH OMAR



Satu majlis dialog anjuran UMNO Bahagian Tanjong Karang telah diadakan pada 27 April 2016 di Pukul Padi Koperasi Serbaguna Jayadiri, Parit 4 Sg Burong. Majlis ini telah dihadiri oleh petani petani dan pemimpin tempatan dari kawasan Sungai Burong dan Sawah Sempadan. Turut hadir sebagai ahli panel ialah wakil dan Ketua Jabatan dari IADA barat Laut Selangor dan Kawal Selia Padi dan Beras Selangor. En Elias bin Saad, Pengarah IADA Barat Laut Selangor telah hadir mewakili IADA Barat Laut Selangor. Perkara utama yang menjadi tajuk perbincangan ialah isu air, pemutuan sebenar padi dan kerja kerja penyelenggaraan. Datuk Seri Noh Omar, pada ucapan penutup majlis telah merumuskan semua isu dan berharap semua pihak dan petani dapat bekerjasama dalam menyelesaikan isu dan masalah ini untuk kebaikan golongan petani amnya.

6

MESYUARAT PERSEDIAAN MUSIM MENUAI 1 2016 DAN PELAKSANAAN PEMUTUAN SEBENAR DI IADA BARAT LAUT SELANGOR



Pada 7 April 2016, satu Mesyuarat Persediaan Musim Menuai Musim 1 2016 dan Pemutuan Sebenar telah diadakan di IADA Barat Laut Selangor. Mesyuarat telah di pengerusikan oleh En Muammar Rashikin bin Abdul Hamid dari Bahagian Industri Padi dan Beras, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Ketua Jabatan dan Agensi dari daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam telah hadir dalam mesyuarat ini. Kehadiran adalah seramai seramai 45 orang. Tujuan mesyuarat ialah untuk penyelarasan dan pelaksanaan Musim Menuai 1 2016 dan pelaksanaan pemutuan sebenar. Pihak lain yang terlibat dalam mesyuarat ini ialah dari Kilang Padi Bernas, Kilang Padi Swasta, Agen Pembeli Padi swasta, Koperasi dan dari Syarikat Kerjasama.

7

TAKLIMAT PEMUTUAN SEBENAR PADI KEPADA PENGILANG DAN PELESEN PUKAL DI KAWASAN IADA BARAT LAUT SELANGOR



Pada 13 April 2016 telah diadakan satu taklimat kepada Pengilang dan Pelesen Pukal di IADA Barat Laut Selangor. Taklimat telah di sampaikan oleh En Mohd Kamal dari Padiberas Nasional Berhad (BERNAS). Pengilang dan Pelesen Pukal dari daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam telah hadir dan mengikuti taklimat ini. Turut hadir dalam taklimat ini ialah En Wan Abdul Hadi bin Wan Mohd Shafei dari Bahagian Industri Padi, En Muhammad Yusof bin Idris, Pengarah Negeri Kawalselia Padi dan Beras Selangor dan En Eliyas bin Saad, Pengarah IADA Barat Laut Selangor. Disamping taklimat, praktikal pelaksanaan Pemutuan Padi Sebenar juga telah diadakan di perkarangan lobi bangunan IADA Barat Laut selangor. Praktikal pemutuan sebenar telah di kelolakan oleh Tn Hj Zaini dari BERNAS Bagan Terap.

8

JEMPUTAN KEPUSAT LATIHAN SYGENTA TANJUNG RADIN PENDANG, KEDAH



Pada 17/8/2016 hingga 18/8/2016 ,Seramai 3 orang pegawai IADA Barat Laut Selangor telah dijemput ke Pusat Latihan Sygenta Tanjung Radin Pendang ,Kedah . Lawatan itu bertujuan untuk berkongsi berkenaan teknologi terkini dalam tanaman padi kepada para pesawah dan juga agensi yang terlibat.Selain itu juga para pegawai juga telah didedahkan dengan pengendalian racun secara selamat dan berkesan melalui sesi "Stewardship".

9

HARI MUZIUM ANTARABANGSA PERINGKAT NEGERI SELANGOR TAHUN 2016



Pada 1 hingga 2 oktober 2016, bertempat dikawasan tempat letak kenderaan Bukit Malawati Kuala Selangor telah berlangsungnya HARI MUZIUM ANTARABANGSA PERINGKAT NEGERI SELANGOR TAHUN 2016. Tujuan sambutan ini diadakan adalah untuk memperkenalkan budaya warisan melayu kepada masyarakat setempat khususnya dan pelancong amnya.bukit malawati merupakan salah satu tempat bersejarah didalam negeri selangor, dan merupakan kawasan pelancongan yang terkenal dengan khazanah warisan. Justeru sempena hari sambutan tersebut pelbagai agensi termasuk IADA Barat Laut Selangor yang berada didalam daerah KUALA SELANGOR telah dijemput mengadakan pameran selain dapat memperkenalkan agensi kepada masyarakat yang hadir ke hari muzium tersebut.

LAWATAN

LAWATAN DARI INSTITUSI PENGAJIAN

Bulan	Tarikh	Tajuk	Peserta
Feb	16.2.2016	Lawatan Pelajar UiTM, Jengka Pahang	48
Mac	28.3.2016	Lawatan Pelajar Institut Pertanian, Serdang	40
Sept.	26.9.2016	Lawatan Pelajar Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia	20
JUMLAH PELAWAT			108

LAWATAN DARI AGENSI LUAR DAN DALAM NEGARA

Bulan	Tarikh	Tajuk	Peserta
Jan	12.1.2016	Lawatan Kerja Delegasi Itali Ke Kawasan IADA Barat Laut Selangor	30
	23.1.2016	Lawatan Kerja Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	15
Mac	24.3.2016	Lawatan dari IADA Batang Lupa, Sarawak	20
	30.3.2016	Lawatan Pegawai Kanan Pejabat Gabenor Jigawa State, Republik Nigeria	10
April	8.4.2016	Lawatan YB Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani ke Kolam Takungan IADA Barat Laut Selangor	15
Mei	31.5.2016	Lawatan dari Petani Kelompok Kg. Tok Hamid, Seberang Perak ke Koperasi Wawasan Tani sg. Nipah	20
Julai	21.7.2016	Lawatan dari Lembaga Kemajuan Pahang	5
Sept.	27.9.2016	Lawatan NKEA Bukit Mertajam (PPK) ke Koperasi Wawasan Tani Sg. Nipah	30

LAWATAN DARI AGENSI LUAR DAN DALAM NEGARA

(Sambungan....)

Bulan	Tarikh	Tajuk	Peserta
Okt.	13.10.2016	Lawatan Jutera-jutera Baru Jabatan Pengairan Dan Saliran Ampang	30
Nov.	7.11.2016	Lawatan dari IADA Kemasin Semerak	40
	8.11.2016	Lawatan dari IADA Kerian ke Program Farmer's Field School	25
	11.11.2016	Lawatan IADA Pekan ke Program Ecological Engineering (EE)	20
	16.11.2016	Lawatan Angkasa dan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd.	28
Dis.	6.12.2016	Lawatan Petani PPK Permatang Buluh, MADA ke PPK Usaha Padu	80
	7.12.2016	Lawatan Delegasi Negara Anggota Bank Pembangunan Islam (IDB) Ke IADA Barat Laut Selangor	10
	7.12.2016	Lawatan Kelab 10 Tan, MADA	40
	8.12.2016	Lawatan IADA Kota Belud, Sabah	40
	8.12.2016	Lawatan IADA Pulau Pinang ke Program Tanaman 5x2	30
	9.12.2016	Lawatan Kumpulan KPA Bukit Sena dan JPS Kedah ke IADA Barat Laut Selangor	48
	20.12.2016	Lawatan YB Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani ke IADA Barat Laut Selangor	70
JUMLAH PELAWAT			606

10

LAWATAN KERJA DELEGASI ITALI KE KAWASAN IADA BARAT LAUT SELANGOR

Pada 12 Januari 2016, satu lawatan dari Delegasi Itali telah melawat ke kawasan IADA Barat Laut Selangor. Rombongan lawatan tersebut telah dibawa melawat ke kawasan sawah Blok C, Sawah Sempadan dan diberikan taklimat oleh pegawai dari Sygenta di Koperasi Wawasan Tani Simpang Lima. Selepas taklimat mereka dibawa melawat ke Kilang Pemprosesan Padi di Sekinchan bagi mengetahui dan melawat Muzium Padi di sana.

11

LAWATAN KERJA KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI YBHG. DATO' SRI DR. ISMAIL BIN HJ. BAKAR KE KAWASAN IADA BARAT LAUT SELANGOR

Pada 23 Januari 2016, satu lawatan kerja dari Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia telah diadakan di kawasan IADA Barat Laut Selangor. Ketibaan Ybhg. Dato' Sri KSU telah disambut oleh Tuan Pengarah IADA Barat Laut Selangor serta pegawai-pegawai dari jabatan MOA Inc. Ybhg. Dato' Sri KSU telah dibawa melawat ke Lot penuaian padi di Parit 1, Sungai Hj. Dorani dan kemudian nya melawat ke Kilang BERNAS di Sungai Besar. Lawatan tersebut diakhiri dengan lawatan ke Pusat Pengumpulan padi di PPK Parit 9, Sungai Besar.

12

LAWATAN AKADEMIK UiTM JENGKA, PAHANG KE IADA BARAT LAUT SELANGOR

Pada 16 Februari 2016, satu lawatan dari UiTM Jengka telah melawat ke kawasan IADA Barat Laut Selangor. Lawatan ini adalah bertujuan bagi memberi pendedahan kepada para pelajar serta memenuhi keperluan silibus pembelajaran mereka iaitu pengurusan ladang. Seramai 46 orang pelajar bersama 2 orang pegawai pengiring telah menyertai lawatan tersebut. Pelawat telah diberikan taklimat oleh Pn. Syazaliana Mohamed Saat, Ketua Unit Komunikasi Korporat, IADA Barat Laut Selangor. Seterusnya mereka dibawa melawat ke kawasan IADA Barat Laut Selangor merangkumi infrastruktur pengairan sawah, kawasan sawah padi dan juga ke kilang padi di Sekinchan.

13

LAWATAN PEGAWAI KANAN PEJABAT GABENOR JIGAWA STATE, REPUBLIK NIGERIA KE IADA BARAT LAUT SELANGOR



Pada 30 Mac 2016, IADA Barat Laut Selangor telah menerima satu kunjungan dari pegawai-pegawai kanan Jigawa State, Republik Nigeria. Lawatan tersebut diketuai oleh Timbalan Gabenor His Excellency Ibrahim Hassan bertujuan bagi meninjau pembangunan pertanian industri padi, pembangunan kawasan pertanian, kemajuan pertumbuhan peladang di IADA Barat Laut Selangor. Para pelawat telah dibawa melawat ke Galeri IADA Barat Laut Selangor dan kawasan sawah dan infrastruktur pengairan di kawasan IADA Barat Laut Selangor.

14

LAWATAN KERJA YB MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI, DATUK SERI AHMAD SHABERY CHEEK KE KOLAM TAKUNGAN IADA BARAT LAUT SELANGOR



Lawatan kerja YB Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek ke Kolam Takungan IADA Barat Laut Selangor yang terletak di Parit 4, Sungai Haji Dorani ini telah diadakan pada 8 April 2016 yang lalu. Objektif lawatan ini adalah bagi meninjau Kolam Takungan dan kesan El Nino kepada pesawah di jelang IADA Barat Laut Selangor ini. Program ini turut disertai oleh Pemimpin-pemimpin tempatan dari pelbagai peringkat, wakil-wakil agensi dan para petani sendiri. Terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan serta memeriahkan program ini.

15

LAWATAN SAMBIL BELAJAR ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI (ALK) KONSORTIUM KE IADA BARAT LAUT SELANGOR



Pada 16 November 2016, Seramai 25 orang Ahli Lembaga Koperasi (ALK) Konsortium telah melawat ke IADA Barat Laut Selangor. Tujuan lawatan ini adalah untuk mengadakan sesi pertemuan bersama 2 koperasi dibawah kelolaan IADA Barat Laut Selangor iaitu Koperasi Pengurusan Berpusat Padi Parit Lima Sungai Besar Berhad dan Koperasi Wawasan Tani Simpang Lima Berhad, dalam usaha menambah dan memantapkan pengetahuan berkaitan pengurusan sawah padi.

16

LAWATAN TEKNIKAL PEGAWAI DAN KAKITANGAN IADA PEKAN KE PROJEK PERTANIAN LESTARI IADA BARAT LAUT SELANGOR



IADA Barat Laut Selangor ada melaksanakan Projek Pembangunan Pertanian Lestari di Sabak Bernam Selangor. Pada 11 November 2016, seramai 12 orang pegawai dari IADA Pekan telah datang melawat projek ini. Lawatan dari IADA Pekan di ketuai oleh Pengarah IADA Pekan En Mohamad Rizal bin Baharom. Rombongan lawatan telah dibawa melawat ke Projek Pertanian Lestari di Parit 2 Sungai Haji Dorani, Sabak Bernam disamping melakukan hands on menanam pokok Turnera Subulata. Taklimat dan lawatan ke projek di ketuai oleh Cik Syaliza Hanom binti Zakaria, Pegawai Pertanian dari Bahagian Pertanian. Pada sebelah petang rombongan telah dibawa melawat kawasan padi yang di serang oleh penyakit Hawar Daun Bakteria (Bacterial Leaf Blight) di Sekinchan.

17

PROGRAM TINJAUAN PEGAWAI IADA KERIAN KE FARMERS FIELD SCHOOL, IADA BARAT LAUT SELANGOR



Program Farmers Field School adalah satu program yang diwujudkan di kawasan tanaman padi dan IADA Barat Laut Selangor adalah salah satu IADA yang turut mengadakan program ini, Program ini menjadikan Pusat Kecermelangan Padi Sg Burong tempat latihan teori dan amali dalam tanaman padi. Baru baru ini pada 8 November 2016 seramai 25 orang pegawai dari IADA Kerian telah datang dan melawat Pusat Kecermelangan Padi dan aktiviti Farmers Field School di Sg Burong ini. Rombongan lawatan ini telah diiringi oleh En Borhan bin Abdullah dari Unit Komunikasi Koporat IADA Barat Laut Selangor. Taklimat pelaksanaan FFS telah diberikan oleh En Muhammad Ajis bin Muhammad dan En Ismail bin Ishak dari Bahagian PTIF Sg Burong. Rombongan pegawai ini kemudian telah dibawa melawat tapak latihan FFS di Sg Burong.

18

PELAWAT DARI IADA KEMASIN SEMERAK KE IADA BARAT LAUT SELANGOR



Pada 7 November 2016, IADA Barat Laut Selangor telah menerima lawatan dari Pegawai IADA Kemasin Semarak seramai 40 orang. Lawatan ini di ketuai oleh Tn Hj Azmi. Tujuan lawatan ini ialah mengadakan tinjauan dan perbincangan projek NKEA, Farmers Field School dan projek Industri Asas Tani. Lawatan pegawai ini di iringi oleh En Borhan bin Abdullah, Pn Rostidah binti Sapikit dan pegawai dari Bahagian Pertanian, IADA Barat Laut Selangor.

Peserta lawatan ini telah di bawa melawat ke :-

- 1) Projek NKEA Wawasan Tani, Simpang Lima
- 2) Farmers Field School di Sg Burong
- 3) Projek Industri Asas Tani (Aiman Pizza)

19

LAWATAN DELEGASI NEGARA ANGGOTA BANK PEMBANGUNAN ISLAM (IDB) KE IADA BARAT LAUT SELANGOR



Pada 7 Disember 2016, IADA Barat Laut Selangor menerima kunjungan delegasi anggota Bank Pembangunan Islam dari Negara Suriname, Uganda, dan Kyrgyzstan. Rombongan ini diiringi oleh En Abdul Rahman Harun dari Mscape Management Sdn Bhd. Delegasi ini telah diberi taklimat tentang IADA Barat Laut Selangor oleh En Hasaman bin Simbon dan kemudian telah dibawa melawat ke Alatur (Regulator) di Sg Burong. Kemudian delegasi ini telah melawat aktiviti menuai padi di Sekinchan.

20

LAWATAN IADA KOTA BELUD SABAH KE IADA BARAT LAUT SELANGOR



Negeri Sabah adalah salah satu negeri di Malaysia yang mempunyai kawasan penanaman padi. Oleh itu kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah menubuhkan IADA Kota Belud di Sabah untuk memajukan industri tanaman padi. Baru baru ini pada 8 Disember 2016 satu rombongan pegawai dan petani dari IADA Kota Belud, Sabah telah datang dan melawat IADA Barat Laut Selangor. Rombongan ini di ketuai oleh Jurutera Projek Pn Livia Lahat. Rombongan ini telah dibawa melawat ke Projek Kejuruteraan Ekologi di Parit 2 Sg Hj Dorani. En Borhan bin Abdullah pegawai dari IADA Barat Laut dan Encik Hasan Azhari bin Ahmad dari Jabatan Pertanian Sabak Bernam telah mengiringi lawatan ini.

21

LAWATAN KERJA YANG BERHORMAT TIMBALAN MENTERI PERTANIAN DATO' SRI HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL RAHMAN KE IADA BARAT LAUT SELANGOR



Pada 20 Disember 2016 YB Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, Timbalan Menteri Pertanian dan Asas Tani telah mengadakan lawatan kerja ke IADA Barat Laut Selangor. Tujuan lawatan beliau ialah untuk melawat kawasan tanaman padi yang diserang oleh Penyakit Hawar Daun Bakteria dan berdialog bersama petani tentang isu dan masalah semasa. Lawatan beliau turut disertai oleh Pegawai-pegawai Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Ketua-ketua Jabatan dan Agensi serta kakitangan di peringkat Daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam. Destinasi pertama beliau ialah ke Pejabat IADA Barat Laut Selangor dan YB Timbalan Menteri telah melawat Galeri IADA Barat Laut selangor. Satu taklimat tentang status serangan Penyakit Hawar Daun Bakteria telah disampaikan oleh Pengarah IADA Barat Laut Selangor, En Eliyas bin Saad. Pada sebelah petang YB Timbalan Menteri telah melawat kawasan tanaman padi yang diserang penyakit Hawar Daun Bakteria di Parit 9 Sungai Leman. Turut mengiringi lawatan di sawah ialah YB Tn Budiman bin Mohd Zohdi, Ahli Parlimen Sungai Besar. YB Timbalan Menteri bersama Ketua-ketua Jabatan dan Agensi kemudian telah menghadiri satu perjumpaan dan dialog bersama petani-petani dari kawasan Sungai Nipah, Pasir Panjang dan Sekinchan. Perjumpaan ini diadakan di Bilik Gerakan NKEA PPK Pasir Panjang di Parit 10 pasir Panjang.

22

LAWATAN KE MAHA 2016

MAHA 2016 "Bertemakan #OurFoodOurFuture, ekspo ini menampilkan pelbagai saluran untuk perdagangan, pelaburan, kolaborasi dan pemindahan teknologi. Ini platform ideal bagi mengenali lebih banyak maklumat dan perkhidmatan baharu dalam sektor pertanian. Pihak IADA Barat Laut Selangor juga tidak ketinggalan mengadakan lawatan ke maha 2016 untuk turut serta merasai kemanisan dalam menjelajah ekspo maha 2016 .

23

LAWATAN SAMBIL BELAJAR PERTUBUHAN PELADANG USAHA PADU KAWASAN D-IV PERMATANG BULOH, KOTA SARANG SEMUT, KEDAH KE IADA BARAT LAUT SELANGOR

Pada 6 Disember 2016, Seramai 80 peserta dibawah Pertubuhan Peladang Usaha Padu Kawasan D-IV Permatang Buloh ,Kota Semut ,Kedah telah melawat ke IADA Barat Laut Selangor .Tujuan lawatan ini adalah untuk memberi pendedahan dan pengalaman mengenai projek tanaman padi yang berdaya maju. Para petani telah diberi taklimat oleh Encik Borhan bin Abdullah dan Encik Hassan Azhari bin Ahmad di bilik gerakan IADA Barat Laut Selangor.

24

TAKLIMAT KAD HIJAU (CIBD) UNTUK PEGAWAI DAN KAKITANGAN IADA BARAT LAUT SELANGOR

Kakitangan Jabatan/Agensi yang terlibat dalam pemantauan dan pelaksanaan kerja atau Projek Pembangunan adalah digalakkan untuk memohon Kad Hijau (CIBD). IADA Barat Laut Selangor telah mengambil inisiatif untuk memohon Kad Hijau bagi pegawai yang baru dan memperbaharui tempoh Kad Hijau bagi kakitangan yang telah tamat tempoh. Baru baru ini iaitu pada 7 Disember 2016 satu Taklimat Kad Hijau telah diadakan di IADA Barat Laut Selangor. Taklimat telah disampaikan oleh En Yasri dari CIBD Selangor. Seramai lebihkurang 35 pegawai telah hadir dan mendengar taklimat dan seterusnya mengisi borang permohonan Kad Hijau ini.




BAHAGIAN PERTANIAN



- » CARTA ORGANISASI BAHAGIAN
- » GAMBAR BAHAGIAN
- » PERJAWATAN BAHAGIAN
- » PROJEK-PROJEK DI BAWAH
PERUNTUKAN NKEA EPP-11
- » PROJEK PEMBANGUNAN
- » KURSUS DAN LATIHAN
- » AKTIVITI SEMASA

CARTA ORGANISASI BAHAGIAN PERTANIAN





PROJEK-PROJEK DI BAWAH PERUNTUKAN NKEA EPP-11

MENJANA PETANI KE ARAH KOMUNITI USAHAWAN MELALUI PROGRAM NKEA PERTANIAN


Di Malaysia, padi merupakan salah satu tanaman yang diberi keutamaan dalam agenda keselamatan makanan negara. Bagi memastikan pengeluaran tanaman ini terjamin, pelbagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran padi. Namun yang demikian, impak akibat pelbagai faktor bukan hanya memberi kesan kepada pengeluaran makanan termasuklah produktiviti tanaman padi, malah turut memberi kesan kepada taraf hidup golongan petani atau pesawah.

Kerajaan telah mensasarkan matlamat untuk mencapai 90 peratus tahap kecukupan keperluan beras Negara (SSL) selain peningkatan pendapatan pesawah. Bagi menjayakan dasar tersebut, IADA Barat Laut Selangor telah melaksanakan program NKEA Pertanian di bawah Entry Point Project (EPP) 11 iaitu Pengukuhan Produktiviti Penanaman Padi di Lain-lain Kawasan Jelapang. Di bawah program ini, kerajaan berharap dapat mewujudkan penglibatan Syarikat Peneraju (SPV) dalam keseluruhan rantai nilai industri padi. Para pesawah pula mendapat manfaat langsung daripada peningkatan hasil padi, dividen tahunan, upah kerja bagi yang mendaftar sebagai pekerja dan yang paling utama pengurusan persawahan dapat dilaksanakan secara seragam serta sistematik oleh Syarikat Peneraju. Penerapan amalan pertanian baik dan mematuhi Rice Check bermula daripada kerja-kerja penyediaan tanah sehingga proses menuai dapat diselaraskan oleh Syarikat Peneraju selaku badan pengurusan.

Sehingga musim 2/2016, seramai 2,577 orang pesawah dengan keluasan 4,104.17 hektar sawah telah menyertai dan mendapat manfaat daripada program tersebut. Terdapat tujuh (8) Syarikat Peneraju yang telah dilantik di kawasan Barat Laut Selangor untuk menerajui serta mengendalikan projek di bawah program ini, iaitu PPK Tanjong Karang, PPK Pasir Panjang, PPK Sungai Besar, Koperasi Wawasan Tani Simpang 5 Sungai Besar Bhd, Koperasi Pengurusan Berpusat Padi Parit 5 Timur Sungai Besar Bhd, Koperasi Petani Blok CJO Sawah Sempadan Bhd, Koperasi Petani Barat Laut Kuala Selangor Bhd dan Syarikat Berkat Padi Sdn Bhd.



LOKASI PROJEK NKEA - EPP 11 IADA BARAT LAUT SELANGOR




LAPORAN SEMASA

PROJEK NKEA – EPP 11 IADA BARAT LAUT SELANGOR

NAMA SPV	PPK TG. KARANG	KOPERASI WAWASAN TANI SEMPANG LIMA SUNGAI BESAR BHD	KOPERASI PENGURUSAN BERPUSAT PADI PARIT LIMA TIMUR SUNGAI BESAR BHD	PPK PASIR PANJANG	PPK SG. BESAR	KOPERASI PETANI BARAT LAUT KUALA SELANGOR BHD	KOPERASI PETANI BLOK CIO SAWAH SEMPADAN TANJONG KARANG BHD	SYARIKAT BERKAT PADI SDN BHD
Tarikh Kelulusan (Mesyuarat)	31 Julai 2012	31 Julai 2012	31 Julai 2012	2 September 2013	5 Disember 2013	2 Jun 2014	2 Jun 2014	1 Julai 2015
Tarikh Surat Lantikan	28 September 2012	28 September 2012	28 September 2012	4 Oktober 2013	20 Februari 2014	10 Julai 2014	10 Julai 2014	27 Julai 2015
Lokasi Projek	Blok F,R,T,UX Sawah Sempadan, Blok SB, Z & U Sungai Burong	Blok N4 (A&B), N5, N12 (A&B), N13, N14, N21, N22 dan N23, Sempang Lima	Blok E1, E2, E3, E4, E5, E6, E7 dan E8, Parit 5 Timur, Sg. Besar	Blok N02A, N10A dan N19A Sg. Nipah	Parit 9, 10, 11 Timur dan Parit 9 Barat, Sg. Besar	Sungai Burong, Sungai Leman dan Sg. Nibong	Blok C, J dan O Sawah Sempadan	Blok A08,A10,A11,A12, A14,A16,A18,A19, A20 Sg Hj Dorani Blok N6,N7,N15, N16,N24 & N25 Sg. Nipah
Model Pelaksanaan	Bayaran Pengurusan	Bayaran Pengurusan	Bayaran Pengurusan	Bayaran Pengurusan	Bayaran Pengurusan	Bayaran Pengurusan	Bayaran Pengurusan	Bayaran Pengurusan
Matlamat Keluasan Projek (Tahun 2020)	1,272.36 ha	403 ha	400 ha	500 ha	550 ha	664 ha	321 ha	1,083 ha
Pencapaian Keluasan Semasa (ha)	671.75 ha	403.66 ha	399.62 ha	495.73ha	550 ha	663.95 ha	306.75 ha	612.71 ha
Matlamat Pencapaian Hasil (Tahun 2020)	8.8 mt/ha	7.5 mt/ha	6.8 mt/ha	7.75 mt/ha	6.5 mt/ha	7.6 mt/ha	7.6 mt/ha	8.5 mt/ha
Purata Hasil Sebelum Projek	5.5 mt/ha	5.08 mt/ha	4.6 mt/ha	5.0 mt/ha	5.25 mt/ha	6.1 mt/ha	5.8 mt/ha	6.2 mt/ha
Pencapaian Hasil Semasa	6.50 mt/ha	5.58 mt/ha	3.80 mt/ha	5.51 mt/ha	4.25 mt/ha	5.1 mt/ha	Dalam Proses Pengumpulan Data	6.1 mt/ha
Bilangan Peserta	533 orang	237 orang	269 orang	413 orang	317 orang	312 orang	208 orang	288 orang
Bilangan Lot	300 lot	402 lot	469 lot	330 lot	531 lot	550 lot	283 lot	542 lot

AKTIVITI-AKTIVITI DI BAWAH NKEA



Mesyuarat Jawatankuasa NKEA Bil 1/2016




Majlis Penyampaian Insentif Input Pengeluaran Padi (LIPP), NKEA EPP-11 Dan Touch Point Input Pertanian Pada 17.06.2016 Di Command Centre, Pasir Panjang



Majlis Penyampaian Insentif Projek NKEA EPP-11 Dan Menandatangani Akujanji Projek Industri Asas Tani (IAT) Pada 14.11.2016 Di Dewan Dato' Hormat, Tg. Karang

PROJEK PEMBANGUNAN

UNJURAN PERBELANJAAN PROJEK PEMBANGUNAN DAN PENGELUARAN PADI LESTARI SEHINGGA 21 NOVEMBER 2016



PROJEK PENINGKATAN INTENSITI TANAMAN PADI 5 MUSIM 2 TAHUN

Projek Peningkatan Intensiti Tanaman Padi 5 Musim 2 Tahun telah dilaksanakan di Blok D2,K2,P2 dan V di kawasan Pengairan Sawah Sempadan seluas 203.4 ha. Ia melibatkan 141 orang petani bagi keseluruhan kawasan projek ini dilaksanakan. Projek ini telah menerima peruntukan sebanyak RM 2,000,000.00 di bawah peruntukan Pembangunan Dan Pengeluaran Padi Lestari dan sehingga Disember 2016 sebanyak RM 620,898.00 telah dibelanjakan dan mencapai 100% . Antara aktiviti yang telah dilakukan adalah:-

- Mesyuarat Jawatankuasa secara berkala telah diadakan sebanyak 7 kali.
- Pemberian Input Pertanian seperti baja dan racun dengan kos sebanyak RM 363,220.00
- Pembangunan infrastruktur yang melibatkan kerja-kerja pembaikan palong sawah TASS5 yang menggunakan kos sebanyak RM 44,190.00
- Lawatan belajar petani dan pegawai bagi pemantapan pengetahuan telah diadakan ke MADA melibatkan peruntukan berjumlah RM 44,262.00 dan bayaran untuk kerja-kerja semasa Kajian kepada MARDI sebanyak RM 310,000.00



LAPORAN BERGAMBAR



Edaran Baja Tambahan (Baja Padi Mas)



Pemasangan Pam Air Semasa Kekurangan Bekalan Air




Baja Tambahan (Baja "Natural Farming")

PROJEK PENGURUSAN TANAMAN PADI BERASAKAN KONSEP KEJURUTERAAN EKOLOGI

Projek Pengurusan Tanaman Padi Berasaskan Konsep Kejuruteraan Ekologi diadakan di Parit 2, Sungai Hj. Dorani yang melibatkan 235.2 ha sawah padi dan 174 orang mengambil bahagian. Projek ini telah menerima peruntukan sebanyak RM 2,000,000.00 di bawah peruntukan Pembangunan Dan Pengeluaran Padi Lestari dan sehingga Disember 2016 sebanyak RM 193,432.50 telah dibelanjakan dan mencapai 100% . Antara aktiviti yang telah dilakukan adalah:-

- Projek Petak Promosi tanaman nectar untuk menarik serangga pemangsa (MSJ) bagi mengurangkan penggunaan racun kimia di kawasan Parit 2, Sg. Hj. Dorani, Sungai Besar yang melibatkan 55 lot sawah padi dengan perbelanjaan sebanyak RM 136,200.50
- Input Natural Farming di kawasan Parit 2, Sg. Hj. Dorani, Sungai Besar iaitu baja “Natural Farming”, Baja Bunga, Pereput Jerami, peralatan dan keperluan untuk baja siput gondang (termasuk analisis makmal), infrastruktur berkaitan pelepasan ikan puyu di sawah dan benih ikan puyu yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM 57,232.00



PROGRAM MENANAM BENIH BUNGA UNTUK PROGRAM PENINGKATAN HASIL PADI MENERUSI KAEDAH KEJURUTERAAN EKOLOGI IADA BLS

Pada 16 Mac 2016, satu program penanaman benih bunga untuk Kaedah Kejuruteraan Ekologi telah dijalankan dengan jayanya di kawasan sekitar Surau Parit 2, Sungai Haji Dorani, Sungai Besar. Kejuruteraan Ekologi adalah satu kaedah bagi membangunkan persekitaran sawah yang mapan dan sejahtera ke arah peningkatan hasil dan pendapatan petani di kawasan tersebut disamping mewujudkan kelestarian dan persekitaran sawah yang ceria, indah dan harmoni menerusi penyusunan semula landskap persawahan yang terancang.



PEMANTAUAN KAWALAN PEROSAK DAN PENYAKIT DI PROJEK KEJURUTERAAN EKOLOGI PT 2 SG HJ DORANI

Pada 8 Jun 2016 seramai enam orang kakitangan MARDI, Serdang, telah mengadakan kawalan pemantauan perosak dan penyakit di Projek Kejuruteraan Ekologi, Pt 2 Sg Hj j Dorani. Kawalan dilakukan dengan mengambil sampel perosak, musuh semulajadi dan serangga lain yang ada di sawah. Pengambilan sampel di lot sawah ini dilakukan sebanyak empat kali semusim iaitu peringkat vegetatif, pembentukan tangkai, terbit dan peringkat masak. Hasil dari bancian ini akan dapat menjangka dan mengesan perosak atau musuh semulajadi yang ada dan boleh merancang program kawalan pada musim hadapan.



MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANA PROGRAM KEJURUTERAAN EKOLOGI BIL 1/2016

Pada 12 Januari 2016, Bahagian Pertanian telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Bil 1/2016. Mesyuarat telah diadakan di PKP Sg Besar. Pegawai pegawai dari Bahagian Pertanian dan ahli jawatankuasa dari petani kawasan terlibat turut hadir dalam mesyuarat ini. Tujuan mesyuarat ini ialah untuk merancang program bagi Tahun 2016 dan mengenalpasti keperluan dan perkara yang masih dalam peringkat pelaksanaan yang belum selesai. Mesyuarat juga membincangkan perkara baru yang dicadangkan untuk dilaksanakan di kawasan projek.



LAWATAN BELAJAR PETANI PROGRAM PENINGKATAN HASIL PADI MENERUSI KONSEP KEJURUTERAAN EKOLOGI INI TELAH DIADAKAN PADA 18-21 JULAI 2016

Lawatan ini bertujuan bagi mendedahkan kepada petani kaedah kawalan siput gondang secara semulajadi bagi mengurangkan penggunaan racun dikalangan pesawah. Secara tidak langsung, kos pengurusan sawah juga dapat dikurangkan. Selain itu, penjagaan lapisan keras (hardpan) juga dapat dilihat melalui kaedah teknologi mekanisasi dan jentera kecil di kawasan sawah IADA Kota Belud. Perbincangan dan tinjauan teknologi ini juga memberi ruang dan peluang bagi petani untuk berkongsi idea dan bertukar-tukar pandangan dengan agensi/jabatan bagi memperbaiki pelaksanaan projek yang sedang dilaksanakan.





Penanaman bunga disekitar sawah padi mengundang serangga baik bagi mengawal serangga perosak.





Contoh serangga baik yang hadir setelah program kejuruteraan ekologi dilaksanakan iaitu labah-labah (gambar atas sebelah kiri), pepatung (gambar atas sebelah kanan) dan lebah (gambar di sebelah kanan).



AKTIVITI SEMASA

PERTANDINGAN RAJA PANCHING SYGENTHA BERSAMA KOPERASI WAWASAN TANI, SIMPANG LIMA, SUNGAI BESAR

Pada 24 April 2016, telah diadakan satu pertandingan memancing anjuran Sygentha dan Koperasi Wawasan Tani, Simpang Lima, Sg Besar. Pertandingan telah diadakan di parit pembuang di depan Pejabat Koperasi Wawasan Tani. Sebanyak 500 kg ikan keli telah di lepaskan di Parit 15, sepanjang 500 meter dan dan seramai lebih kurang 600 orang telah menyertai pertandingan ini. Hadiah hadiah telah disampaikan oleh pegawai dari dari Syarikat Sygentha dan IADA Barat Laut Selangor. Pn Rostidah binti Sapikit dari IADA Barat Laut Selangor mewakili Pengarah telah hadir dan menyampaikan hadiah kepada pemenang pemenang.



MAJLIS PELANCARAN SISTEM PENGURUSAN TANAMAN PADI BERTERASKAN TEKNOLOGI REMOTE SENSING DAN SISTEM MAKLUMAT GIS BAGI KAWASAN IADA BARAT LAUT SELANGOR

Pada 14 Jun 2016 bertempat di Dewan Terbuka Pejabat Pertubuhan Peladang (PPK) Parit 1, Sungai Besar satu Majlis Pelancaran Sistem Pengurusan Tanaman Berteraskan Teknologi Remote Sensing dan Sistem Maklumat GIS bagi kawasan IADA Barat Laut Selangor telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Panglima Madius Tangau, Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi Malaysia.






BAHAGIAN KEJURUTERAAN PERTANIAN



- » CARTA ORGANISASI BAHAGIAN
- » GAMBAR BAHAGIAN
- » PERJAWATAN BAHAGIAN
- » PROJEK PEMBANGUNAN
- » AKTIVITI SEMASA

CARTA ORGANISASI BAHAGIAN PERTANIAN





PROJEK PEMBANGUNAN

MEMBINA DAN MENAIKTARAF TALIAIR SEKUNDER DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI KAWASAN PENGAIRAN SAWAH SEMPADAN, DAERAH KUALA SELANGOR

Projek ini telah mendapat peruntukan sebanyak RM 1,000,000.00 dari Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani. Antaranya skop kerja yang telah dijalankan ialah kerja-kerja menaiktaraf terusan utama di hadapan intake structure tali air sekunder serta kerja-kerja berkaitan di kawasan Sawah Sempadan dan kerja-kerja menaiktaraf jalan ladang di taliair sekunder serta kerja-kerja yang berkaitan di kawasan pengairan Sawah Sempadan.

PROJEK	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS
Membina dan Menaik Taraf Tali Air Sekunder dan Kerja-kerja Berkaitan Di Kawasan Pengairan Sawah Sempadan, Daerah Kuala Selangor, IADA Barat Laut Selangor	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.37	0.37	0.37	35.21	55.29	100.00	100.00



Kerja-Kerja Pembersihan Kawasan Projek



Kerja-Kerja Pemasangan U-Drain

- i) Kerja-kerja menaiktaraf terusan utama di hadapan intake structure taliair sekunder serta kerja-kerja berkaitan di kawasan sawah sempadan



Kerja-kerja penstabilan tebing di hadapan Intake Structure yang telah siap



Kerja-kerja mengecat Intake Structure yang telah siap.

- ii) Kerja-kerja menaiktaraf jalan ladang di taliair sekunder serta kerja-kerja yang berkaitan di kawasan pengairan sawah sempadan



CADANGAN REKABENTUK BAGI MEMBINA DAN MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR PENGAIRAN DAN KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI KAWASAN PENGAIRAN SG. PANJANG (FASA 2)

Pada tahun 2016, Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani telah memperuntukkan sebanyak RM 300,000.00 bagi projek ini. Pelaksanaan projek melibatkan skop kerja-kerja penstabilan tebing serta kerja-kerja berkaitan di hilir rumah pam Bagan Terap, Kawasan Pengairan Sungai Panjang dan kerja-kerja menaiktaraf jalan ladang serta kerja-kerja yang berkaitan di kawasan pengairan Sungai Panjang.

PROJEK	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS
Membina dan Menaik Taraf Infrastruktur Pengairan dan Kerja-kerja Yang Berkaitan Di Kawasan Pengairan Sungai Panjang (Fasa 2)	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	51.30	51.30	76.96	100.00



kerja-kerja penstabilan tebing



kerja-kerja menaiktaraf jalan ladang

PEMBANGUNAN SISTEM TELEMETRI ONLINE BAGI PEMANTAUAN PENGURUSAN AIR DI KAWASAN JELAPANG PADI

Projek ini melibatkan skop kerja yang dijalankan iaitu perkhidmatan membekal, memasang, mengujitauliah stesen telemetri water level di kolam takungan dan lain-lain yang berkaitan, kerja-kerja menaiktaraf penanda aras air (stickgauge) di stesen telemetri serta kerja-kerja yang berkaitan dan kerja-kerja menaiktaraf stesen telemetri dan mengecat semula serta lain-lain kerja yang berkaitan di Regulator Sungai Leman. Projek ini mendapat peruntukan sebanyak RM 200,000.00 daripada Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani pada tahun 2016.

PROJEK	JAN	FEB	MAR	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS
Pembangunan Sistem Telemetri Online Bagi Pemantauan Pengurusan Air Di Kawasan Jelapang Padi IADA Barat Laut Selangor	0.00	0.00	0.00	0.00	45.00	45.00	48.10	47.90	93.48	100.00	100.00	100.00



Sistem telemetri yang telah siap dipasang.




Penanda lokasi yang telah siap dipasang dan penanda aras yang digunakan.



kerja-kerja menaiktaraf stesen telemetri dan mengecat semula serta lain-lain kerja yang berkaitan di Regulator Sungai Leman.

PROJEK OPERASI DAN PENYELENGGARAAN (O & M)

Pada tahun 2016, IADA Barat Laut Selangor telah menerima peruntukkan penyelenggaraan pejabat dan kuaters sebanyak RM 1,600,000.00 dengan melibatkan kerja-kerja perkhidmatan memotong rumput, membaikpulih kerosakan kuaters, penyelenggaraan membaikpulih kerosakan pejabat, penyelenggaraan komprehensif lif (Mesin Angkat), penyelenggaraan penyaman udara, membaik pulih balai latihan IADA Barat Laut Selangor, kerja-kerja mengecat bangunan pejabat IADA Barat Laut Selangor, dan kerja-kerja memasang papan tanda 'signage' pintu masuk IADA Barat Laut Selangor.



PERKHIDMATAN MEMOTONG RUMPUT DAN PEMBERSIHAN KAWASAN



PENYELENGGARAAN KOMPREENSIF LIF (MESIN ANGKAT)



MEMBAIKPULIH BALAI LATIHAN IADA BARAT LAUT SELANGOR



KUMPULAN PENGGUNA AIR (KPA)

Kumpulan Pengguna Air (KPA) merupakan satu institusi petani kecil (atau kelompok petani) yang dibentuk berdasarkan sempadan pengairan dan boleh berfungsi secara tersendiri. Kumpulan ini mempunyai kepentingan yang sama baik dari segi punca air, jadual tanaman dan perkhidmatan dalam pengeluaran padi.

KPA ini ditubuhkan untuk menangani masalah-malasan yang sering berlaku seperti :-

- Air ke sawah tak cukup (terutama musim kering).
- Air palong melimpah & Runtuhan Tebing Parit
- Sampah sarap tersekat/tersumbat Dalam Palong.
- Semak samun.
- Berebut air
- Membazir air.
- Kreativiti/inovasi petani mendapat air.
- Kemudahan infrastruktur/peralatan disalah guna.
- Vandalism dan sebagainya.



Air Palong Melimpah



Air Tiada



Kreativiti Petani

Taklimat Pelaksanaan Kumpulan Pengguna Air (KPA) Kepada Pegawai Pengurusan Teknikal & Petani KPA.



Taklimat Pelaksanaan Garis Panduan Kumpulan Pengguna Air (KPA) Kepada Petani-petani KPA.



Lawatan KPA Ke Terusan Utama & Kolam Takungan



Membaikpulih Pusat Informasi Kumpulan Pengguna Air (KPA) Wawasan Tani Simpang Lima, Sungai Besar



AKTIVITI SEMASA

1

LAWATAN KERJA PEGAWAI DAN PETANI KUMPULAN PENGGUNA AIR (KPA) MADA KE KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU BARAT LAUT SELANGOR (IADA)



Pada 28 Mac 2016, pihak MADA telah mengadakan lawatan kerja IADA Barat Laut Selangor yang terdiri daripada 8 orang pegawai dan 32 orang petani Kumpulan Pengguna Air (KPA) MADA. Objektif utama lawatan tersebut adalah untuk meningkatkan pengetahuan pegawai dan petani MADA dalam pengurusan air terutamanya mengenai parit ladang yang dilaksanakan di IADA Barat Laut Selangor. Pelawat telah dibawa melawat ke kawasan Sawah Sempadan bagi melihat sendiri infrastruktur pengairan yang terdapat di IADA Barat Laut Selangor dan diberikan taklimat oleh Puan Suriati binti Mohd Shaukhi, Jurutera di Bahagian Kejuruteraan Pertanian, IADA Barat Laut Selangor.

2

AUDIT KUALITI DALAMAN MS ISO 9001:2008, PENGURUSAN KONTRAKTOR PEMBINAAN, BAHAGIAN KEJURUTERAAN PERTANIAN IADA BARAT LAUT SELANGOR



Audit Kualiti Dalaman merupakan salah satu proses bagi menilai samada Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) yang dilaksanakan mematuhi perancangan, keperluan standard, keperluan agensi dan telah diselenggarakan dengan berkesan. Sehubungan itu, Audit Kualiti Dalaman MS ISO 9001:2008 bagi Pengurusan Kontraktor Binaan Bahagian Kejuruteraan Pertanian telah dijalankan pada 26 September 2016 di Bilik Mesyuarat Masria bagi menyemak dan mengaudit semua dokumen projek pembinaan yang telah dijalankan.

3

KONVENSYEN KEBANGSAAN KUMPULAN PENGGUNA AIR (KPA) TAHUN 2016 KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA



Bahagian Pengairan dan Saliran Pertanian Putrajaya telah menganjurkan Konvensyen Kebangsaan Kumpulan Pengguna Air (KPA) Tahun 2016 pada 21 hingga 23 November 2016 bertempat di Institut Pembangunan Modal Insan Zon Timur, Kelantan Darul Naim. Penganjuran Konvensyen KPA ini adalah sebagai satu forum untuk membincangkan serta bertukar pandangan dan pengalaman khususnya dalam pengurusan air, keperluan penjadualan bekalan pengairan untuk penanaman padi serta isu bekalan air pengairan yang terjejas akibat fenomena El Nino yang melanda negara baru-baru ini.




BAHAGIAN LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG



- » CARTA ORGANISASI BAHAGIAN
- » GAMBAR BAHAGIAN
- » PERJAWATAN BAHAGIAN
- » PROJEK PEMBANGUNAN (IAT)
- » KURSUS DAN LATIHAN
- » AKTIVITI SEMASA

CARTA ORGANISASI BAHAGIAN LPP





PROJEK PEMBANGUNAN

PROJEK PEMBANGUNAN USAHAWAN INDUSTRI ASAS TANI (IAT) IADA BARAT LAUT SELANGOR 2016

Pada tahun 2016, peruntukan sebanyak RM545,000.00 telah disalurkan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk pelaksanaan projek tersebut yang diselia dan diuruskan oleh Bahagian Lembaga Pertubuhan Peladang, IADA Barat Laut Selangor.

Pelaksanaan Projek pada tahun ini lebih memberi tumpuan kepada pemasaran produk merangkumi skop bantuan seperti berikut:


- i) Pengubahsuaian Premis Mengikut Spesifikasi Pensijilan
Skop bantuan meliputi penambahbaikan ruang melalui pengubahsuaian susun atur dan binaan bangunan yang mematuhi kehendak persijilan seperti Halal, MeSTI dan sebagainya. Sebanyak tiga (3) buah premis telah diubahsuai melibatkan kos sebanyak RM118,006.00
- ii) Perolehan Mesin / Peralatan Bagi Peningkatan Kapasiti Pengeluaran
Program ini adalah untuk membantu usahawan dalam meningkatkan mutu kualiti dan jumlah penghasilan barangan mereka dengan lebih produktif. Dalam program ini 28 orang peserta terlibat dengan kos sebanyak RM 334,806.25
- iii) Penjenamaan, Promosi dan Pemasaran
Antara aktiviti dan dijalankan adalah penyertaan usahawan di ekspo perniagaan, carnival IAT dan sebagainya. Selain itu, rekabentuk pembungkusan dan pelabelan produk juga dijalankan bagi membantu usahawan memperkenalkan dengan lebih meluar produk mereka di pasaran luar. Dalam program ini 6 orang peserta terlibat dengan jumlah keseluruhan bantuan bernilai RM 38,982.00
- iv) Pembangunan Modal Insan
Usahawan juga dibekalkan dengan kemahiran-kemahiran tertentu yang berkaitan dengan perniagaan yang bertujuan untuk meningkatkan bilangan usahawan yang bermahiran tinggi disamping dapat memberi kesan positif kepada modal insan usahawan melalui kursus, latihan dan Program Usahawan IAT yang dijalankan. Bagi tahun 2016, kos yang terlibat adalah RM 53,172.30

Secara amnya, Projek Pembangunan Usahawan IAT bagi tahun 2016 telah dapat mencapai matlamat dan objektif yang disasarkan. IADA Barat Laut Selangor berharap usahawan IAT yang terlibat dalam projek ini dapat meningkatkan lagi pengeluaran dan memperluaskan pasaran sedia ada seterusnya meningkatkan pendapatan mereka.

PROJEK PEMBANGUNAN USAHAWAN INDUSTRI ASAS TANI (IAT)

Program / Projek / Aktiviti	Sasaran (RM)	Capai (RM)
Pengubahsuaian Pusat Jualan	100,000.00	38,140.20
Pengubahsuaian Premis Mengikut Persijilan	200,000.00	200,878.00
Pembekalan Peralatan	200,000.00	312,410.00
Publisiti dan Promosi	170,000.00	179,528.00
Kursus/ Program	80,000.00	19,031.00
Perbelanjaan Keseluruhan	750,000.00	749,987.20

PENCAPAIAN PERBELANJAAN PROJEK



GAMBAR-GAMBAR PENAMBAHBAIKAN PREMIS KE ARAH PERSIJILAN



SELERA FOODSTUFF – Siti Salwa binti Mohd Umar
LOKASI: Lot 1513, Jalan Sepakat, Batu 28 Ijok, 45600 Batang Berjuntai, Selangor



JEHAN KUIH BANGKIT ENTERPRISE – Norlehan binti Abdul Malek
LOKASI: Tali Air 14, Simpang 5, 45300 Sungai Besar, Selangor



KOI EMAS RESOURCES – Mohamad Izwan bin Mohammad Zanudin
LOKASI: Lot 3059, Kg Tebuk Muftrad, 45100 Sg. Air Tawar, Sabak Bernam, Selangor

GAMBAR-GAMBAR PEMBEKALAN MESIN/PERALATAN IAT



GAMBAR-GAMBAR PENJENAMAAN, PROMOSI & PEMASARAN-PEMBUNGKUSAN DAN PELABELAN PRODUK



GAMBAR-GAMBAR LATIHAN/KURSUS/PROGRAM USAHAWAN IAT



LAWATAN ILMU KE "THE GLOBAL HALAL MARKET PLACE" (MIHAS) PADA 30 MAC 2016 DI KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE (KLCC)



KURSUS PEMASARAN DAN PROMOSI DALAM MEDIA SOSIAL (KEDAI ONLINE) KEPADA USAHAWAN IAT IADA BARAT LAUT SELANGOR PADA 25 APRIL 2016




SEMINAR MAKANAN HALALAN TOYYIBAN USAHAWAN IAT IADA BARAT LAUT SELANGOR PADA 1 SEPTEMBER 2016

PROGRAM PENGAPURAN DI BAWAH SKIM INSENTIF PENGELUARAN PADI (SIPP) TAHUN 2016


Program pengapuran ini dilaksanakan di bawah Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) yang bertujuan untuk mengurangkan keasidan tanah sawah. Pada tahun 2016, sebanyak 1,000 hektar dengan nilai peruntukan RM970,000.00 telah diluluskan melalui Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) untuk pelaksanaan di kawasan IADA Barat Laut Selangor.

Untuk pelaksanaan pusingan kali ketiga ini telah dilaksanakan di kawasan Sungai Burong dengan keluasan 639.266 hektar bermula pada 21 Jun 2016 hingga 30 Jun 2016 dan di kawasan Sungai Leman dengan keluasan 360.41 hektar bermula pada 3 Ogos 2016 hingga 9 Ogos 2016.

PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK



PRESTASI PERBELANJAAN PROJEK



GAMBAR-GAMBAR PELAKSANAAN KERJA PENGAPURAN



AKTIVITI SEMASA

1

LAWATAN BELAJAR PEGAWAI DAN KAKITANGAN KE PREMIS USAHAWAN INDUSTRI ASAS TANI (IAT)



Lawatan ini diadakan pada 4 Februari 2016 dan seramai 30 orang pegawai dan kakitangan yang menyertai lawatan tersebut. Tujuan lawatan adalah memberi pendedahan dan pengetahuan kepada pegawai dan kakitangan IADA Barat Laut Selangor berkenaan aktiviti/projek Industri Asas Tani (IAT) yang dilaksanakan oleh usahawan di bawah bimbingan IADA Barat Laut Selangor, sebagai suntikan semangat kepada usahawan melalui kehadiran pegawai dan kakitangan dari IADA Barat Laut Selangor untuk terus menjalankan perniagaan dan untuk melihat kepelbagaian produk dihasilkan oleh usahawan industri asas tani (IAT) di bawah bimbingan IADA Barat Laut Selangor dan memberi pandangan dan idea-idea baru kepada usahawan untuk mempertingkatkan produktiviti.

2

KURSUS PEMASARAN DAN PROMOSI DALAM MEDIA SOSIAL (KEDAI ONLINE) KEPADA USAHAWAN INDUSTRI ASAS TANI (IAT) IADA BARAT LAUT SELANGOR



Kursus diadakan pada 25 April 2016 kepada usahawan di bawah bimbingan IADA Barat Laut Selangor. Penyertaan kursus tersebut seramai 50 orang usahawan dan 10 orang pegawai bimbingan Industri asas tani (IAT). Tujuan adalah untuk memberi pendedahan kepada usahawan mengenai dunia keusahawanan yang melibatkan rangkaian pemasaran secara global melalui perniagaan atas talian online, untuk membantu usahawan mengadakan kempen pemasaran dan membuat perkongsian ilmu pemasaran internet yang terkini kepada usahawan untuk mengembangkan perniagaan dan untuk usahawan menguasai teknik dan strategi pemasaran online yang kreatif dan inovatif.

3

MAJLIS PERASMIAN SEMINAR IAT DAN JALINAN TANI NEGERI SELANGOR



Pada 16 Jun 2016, satu Majlis Seminar IAT dan Jalinan Tani Negeri Selangor telah diadakan di Dewan PPK Sungai Besar. Majlis telah dimulakan dengan Ceramah Motivasi oleh Ybrs. Dr. Haji Ann Wan Seng.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Ahmad Shabery bin Cheek, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani. Pada majlis ini juga penyampaian insentif kepada 5 orang penerima Bantuan Projek Pembangunan Usahawan IAT IADA Barat Laut Selangor bagi Parlimen Sungai Besar turut diadakan. Jumlah keseluruhan insentif yang diterima oleh kelima-lima penerima bagi parlimen Sungai Besar adalah RM 161,336.00.



PERJAWATAN IADA BARAT LAUT SELANGOR



APC 2016



ELIYAS BIN SAAD



MANSOR BIN ATAN



AZLAN BIN ISHAK



MOHD RIZAL FIRDAUS BIN
WAHHIT



KHAIRI BIN HAMZAH



MOHD EZMI BIN HARUN



SITI JAMILAH BINTI
MOHD NASIR



SITI RAHMAH BINTI MISNAN

PERJAWATAN

PEGAWAI YANG BERTUKAR KELUAR 2016

- » ROSLI BIN ABD RASHID
- » MOHD SHAWAL BIN ABD. WAHID
- » AZMI BIN ABU SAMAH
- » MAZLAN BIN AHMAD

PEGAWAI YANG BETUKAR MASUK 2016

- » ZAKARIS BIN AGUSTAR - JURUTERA (AWAM) GRED J41/J44
- » SYAMSUL ZURAIDA@FADHILAH BINTI ZAINUDIN- JURUTERA GRED J48
- » NOR ASIAH BINTI OMAR – PENOLONG JURUTERA GRED JA29
- » NORSAZWANI BINTI RUSDI – PENOLONG PEGAWAI PERANGKAAN GRED E29
- » SUHAILI BINTI SAHARI – PENOLONG PEGAWAI PERTANIAN GRED G29
- » NORZIEANA BINTI MUHAMMAD SAID – PEMBANTU TADBIR (P/O) GRED N19

PEGAWAI YANG BERSARA 2016

- » SABARIAH BINTI ABDULLAH
- » SAMUDDIN BIN ISMAIL
- » MOHD PILUS BIN ABD MANAP
- » NORMALA BINTI HASHIM



SENARAI PENJAWATAN

KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU BARAT LAUT SELANGOR

BIL	NAMA	JAWATAN	GRED	SEKSYEN / UNIT
1. 2.	Eliyas b. Saad Noridah bt. Leman	Pengarah Pembantu Khas, Pembantu Setiausaha Pejabat/ Setiausaha Pejabat	G52 N17/ N22/ N27/ N28	-

BAHAGIAN PERTANIAN

BIL	NAMA	JAWATAN	GRED	SEKSYEN / UNIT
3. 4. 5. 6. 7. 8.	Kosong Thilaga a/p Batumali Asparina bt. Mohd Johan Syaliza Hanom bt. Zakaria Rostidah bt. Sapikit Laynil Hakih bt. Sulhan	Pegawai Pertanian Pegawai Pertanian Pegawai Pertanian Pegawai Pertanian Pegawai Pertanian Pegawai Pertanian	G48 G41/G44 G41/G44 G41/G44 G41/G44 G41/G44	-
9. 10. 11.	Y.M. Raja Zainol b. Raja Abdullah Kosong Ismail b. Othman	Penolong Pegawai Pertanian Penolong Pegawai Pertanian Penolong Pegawai Pertanian	G32 G32 G32	-
12. 13. 14. 15. 16. 17. 18. 19. 20. 21. 22. 23. 24. 25.	Faridah bt. Hussein Syazaliana bt. Mohamed Saat Nurrun Nadrah bt. Ahmad Radzi Mohd. Mahali b. Md. Noor Hasan Azhari b. Ahmad Amran bin Abd Aziz Siti Rahmah bt. Misnan Nurul Inani bt. Shadan Mohd Kashim b. Sarman Kosong Suhaili bt. Sahari Mohd Ezmi b. Harun Ahmad Azwan b. Ahmad Anuar Norzaimi b. Omar	Penolong Pegawai Pertanian Penolong Pegawai Pertanian Penolong Pegawai Pertanian Penolong Pegawai Pertanian Penolong Pegawai Pertanian Penolong Pegawai Pertanian Penolong Pegawai Pertanian Penolong Pegawai Pertanian Penolong Pegawai Pertanian - Penolong Pegawai Pertanian Penolong Pegawai Pertanian Penolong Pegawai Pertanian Penolong Pegawai Pertanian	G29/G32 G29/G32 G29/G32 G29/G32 G29/G32 G29/G32 G29/G32 G29/G32 G29/G32 - G29/G32 G29/G32 G29/G32 G29/G32	-
26. 27. 28.	Norzieana bt. Muhammad Said Norzizah bt. Sapowani Marina bt. Abdul Majid	Pembantu Tadbir (P/O) Pembantu Tadbir (P/O) Pembantu Tadbir (P/O)	N19/N22 N19/N22 N19/N22	-

BAHAGIAN KEJURUTERAAN PERTANIAN

BIL	NAMA	JAWATAN	GRED	SEKSYEN / UNIT
29.	Syamsul Zuraida@ Fadhilah bt. Zainudin	Jurutera Projek	J48	-
30. 31. 32.	Kosong Suriati bt. Mohd Shauki Zakaris bin Agustar	Jurutera Jurutera Jurutera	J41/J44 J41/J44 J41/J44	-

SENARAI PENJAWATAN

BIL	NAMA	JAWATAN	GRED	SEKSYEN / UNIT
33.	Muhammad Halim Al Hafiz b. Ramli	Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam)	JA36	-
34.	Kosong	Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam)	JA29/30/ JA36	-
35.	Muhammat Hamzan b. Jali (Mekanikal)	Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam)	JA29/30/ JA36	-
36.	Nor Asiah bt. Omar	Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam)	JA29/30/ JA36	-
37.	Mansor b. Atan	Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam)	JA29/30/ JA36	-
38.	Mohd Naim b. Kamarudin	Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam)	JA29/30/ JA36	-
39.	Ahmad Afzan b. Abd Rahman (Awam)	Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam)	JA29/30/ JA36	-
40.	Habibah bt. Dahalan	Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam)	JA29/30/ JA36	-
41.	Rosmawati bt. Ab. Rahim (Awam)	Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam)	JA29/30/ JA36	-
42.	Mohd Rizal Firdaus b. Wahhit (Awam)	Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam)	JA29/30/ JA36	-
43.	Kosong	Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam)	JA22	-
44.	Khairi b. Hamzah	Pembantu Awam	H11/H14	-
45.	Nurul Azmy b. Mohd Ngamal	Pembantu Awam	H11/H14	-
46.	Nadarajah a/l Veloo	Pembantu Awam	H11/H14	-
47.	Samuddin b. Ismail	Pembantu Awam	H11/H14	-
48.	Batmanadan a/l Subramaniam	Pembantu Awam	H11/H14	-
49.	Nazrul Azlan b. Anuar	Pembantu Awam	H11/H14	-

BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PEMANTAUAN

BIL	NAMA	JAWATAN	GRED	SEKSYEN / UNIT
50.	Lailatulaila bt Shaari	Pegawai Pertanian	G41/G44	-
51.	Hasaman b. Simbon	Penolong Pegawai Pertanian	G32	-
52.	Norsazwani bt. Rusdi	Penolong Pegawai Perangkaan	E29/E32	-
53.	Haryati @ Siti Aisyah bt. Hamidon	Penolong Pegawai Pertanian	G29/G32	-
54.	Borhan b. Abdullah	Penolong Pegawai Pertanian	G29/G32	-

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

BIL	NAMA	JAWATAN	GRED	SEKSYEN / UNIT
55.	Murshidi b. Mahmud	Penolong Pegawai Tadbir	N32	-
56.	Mazlinah bt. Sanosi	Pembantu Tadbir (P/O)	N22	-
57.	Siti Norizan bt. Samsudin	Pembantu Tadbir (P/O)	N19/N22	-
58.	Abd Rahman b. Marji	Pembantu Tadbir (P/O)	N19/N22	-
59.	Kosong	Pembantu Tadbir (P/O)	N19/N22	-
60.	Siti Jamilah bt. Mohd Nasir	Pembantu Tadbir (P/O)	N19/N22	-
61.	Nuraziah bt. Kandar	Pembantu Tadbir (P/O)	N19/N22	-
62.	Suzana bt. Zainal	Pembantu Tadbir (P/O)	N19/N22	-
63.	Kosong	Pembantu Tadbir (P/O)	N19/N22	-

SENARAI PENJAWATAN

BIL	NAMA	JAWATAN	GRED	SEKSYEN / UNIT
64. 65.	Nor Anita bt. Karno Herna Farina bt. Mat Tarmezi	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W19/W22	-
66.	Kosong	Pegawai Khidmat Pelanggan	N19/N22	-
67.	Ahmad Saiful Nizam b. SA-Ismail	Juruteknik Komputer	FT19/FT22	-
68. 69. 70. 71. 72. 73. 74. 75. 76. 77.	Safari b. Rakijo Samsol bin Mokhtar Jamaluddin b. Jantan Ramizu b. Mohd Rasdi Mohd Zailan b. Sulaiman Yusni b. Sahudin Muhammad Jajam b. Marzuki Mohd Hafidz b. Mohd Munjar Khairi Akmal b. Anis Nazreen Shah b. Zamaludin	Pemandu Kenderaan Pemandu Kenderaan Pemandu Kenderaan Pemandu Kenderaan Pemandu Kenderaan Pemandu Kenderaan Pemandu Kenderaan Pemandu Kenderaan Pemandu Kenderaan Pemandu Kenderaan	H11/H14 H11/H14 H11/H14 H11/H14 H11/H14 H11/H14 H11/H14 H11/H14 H11/H14 H11/H14	-
78. 79.	Hairul Nizam b. Md Sharif Kamarudin b. Ahmad	Pembantu Operasi Pembantu Operasi	N11/N14 N11/N14	-
80. 81. 82.	Mohamad Said b. Mohamad Mohd Shazrul Syafiq b. Sazali Azlan b. Ishak	Pembantu Awam Pembantu Awam Pembantu Awam	H11/H14 H11/H14 H11/H14	-



Terima Kasih

KEPADA SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT
SECARA LANGSUNG ATAU
TIDAK LANGSUNG
BAGI MENYEMPURNAKAN
BUKU LAPORAN TAHUNAN
IADA BARAT LAUT SELANGOR 2016